

SPAN TERUSKAN PROMOSI PENGGUNAAN PRODUK CEKAP AIR MELALUI PEMBERIAN REBAT BERNILAI RM100,000 MELALUI PLATFORM SHOPEE

IPOH – Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) terus komited dengan inisiatif untuk menggalakkan penggunaan air secara berhemat antaranya melalui penggunaan produk yang mempunyai label Cekap Air melalui pemberian rebat secara bersasar.

Usaha tersebut diteruskan pada tahun ini melalui pelancaran Program Jimat Air 4.0 yang disempurnakan oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di Ipoh Parade, Ipoh, Perak hari ini.

Program Jimat Air 4.0 merupakan kesinambungan daripada siri Program Jimat Air 1.0 hingga 3.0 yang dilaksanakan pada tahun 2021 hingga 2022. Pemerkasaan Program Jimat Air adalah untuk tujuan meningkatkan kesedaran awam berkenaan penggunaan air secara berhemat serta pada waktu sama mempromosikan penggunaan produk cekap air yang didaftarkan di bawah Skim Pelabelan Produk Cekap Air (*Water Efficient Product Labelling Scheme* – WEPLS), sebagai instrumen berkesan dalam mengawal penggunaan air bersih di kediaman.

Pelaksanaan Program Jimat Air 4.0 pada kali ini melibatkan nilai rebat berjumlah **RM100,000** yang ditawarkan melalui platform e-dagang **Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd (SHOPEE)**. Agihan rebat adalah melibatkan lima (5) produk Cekap Air seperti berikut:

Produk Cekap Air	Insentif e-rebat
Pili air	50% diskaun daripada harga jualan
Pancuran mandi	50% diskaun daripada harga jualan
Tandas dwi simbahan	RM150 rebat
Urinal	RM150 rebat
Mesin Basuh	RM200 rebat

Rebat bagi lima (5) produk dinyatakan boleh ditebus melalui pembelian secara dalam talian mulai 11 Mac 2023 sehingga ia habis ditebus atau selewatnya pada 31 Disember 2023.

Inisiatif daripada siri Program Jimat Air yang dilaksanakan sebelum ini telah memberi impak serta perkembangan yang positif dengan mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Keseluruhan tiga Program Jimat Air sebelum ini telah memberikan rebat berjumlah RM650,000 yang dinikmati oleh 4,500 pengguna. Program tersebut juga telah membawa keuntungan kepada 185 penjual/peniaga dengan janaan pendapatan sehingga RM2.1 juta.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) diberi kuasa oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) untuk mengawal selia dan memantau aspek ekonomi, teknikal dan sosial bagi industri perkhidmatan air dan pembetungan di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

SPAN mengawal selia entiti dalam industri perkhidmatan air dan pembetungan termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembetungan, kontraktor bagi bekalan air dan pembetungan serta pemegang permit dan produk yang telah diluluskan.

Sejak penubuhannya, SPAN telah merealisasi dasar yang jelas dan rangka kerja undang-undang bagi industri tersebut.

*Untuk makluman lanjut, sila hubungi **Ts. Mohd Fazil bin Ismail**, Pengarah Unit Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna di talian **019 – 333 6405** atau e-mel ke fazil@span.gov.my*

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Ground & 1st Floor, Prima Avenue 7, Block 3510,
Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia

T 603 8317 9333/334/335 **F** 603 8317 9336/339

W www.span.gov.my

